



24 Februari 2012
24 February 2012
P.U. (A) 50

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PERKAPALAN SAUDAGAR (LATIHAN DAN PERAKUAN)(PINDAAN) 2012

MERCHANT SHIPPING (TRAINING AND CERTIFICATION) (AMENDMENT) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

KAEDAH-KAEDAH PERKAPALAN SAUDAGAR (LATIHAN DAN PERAKUAN)
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 71 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) (Pindaan) 2012**.

Pindaan kaedah 17A

2. Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 [P.U. (A) 152/1999], yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 17A dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Tiada seorangpun berhak diberikan perakuan yang sesuai tersebut melainkan dia—

(a) berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;

(b) menamatkan pendidikan dan latihan yang diluluskan dan memenuhi standard kekompetenan yang ditetapkan oleh Pengarah; dan

(c) mempunyai tidak kurang daripada—

(i) 12 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan semasa memegang perakuan sebagai pegawai jurutera dan memenuhi kehendak bagi perakuan sebagai seorang pegawai jurutera yang menjaga bilik enjin di atas sebuah kapal yang dikuasakan oleh apa-apa jentera

dorongan utama yang kuasa dorongannya kurang daripada 750 kW dalam pelayaran domestik dan pelayaran dagang persisiran pantai; atau

- (ii) 36 bulan perkhidmatan laut yang diluluskan sebagai kelasi bilik enjin atau mempunyai tidak kurang daripada 30 bulan sebagai pembantu kepada pegawai menjaga awasan.”.

Pindaan Jadual

3. Jadual kepada Kaedah-Kaedah ibu dipinda di bawah perenggan “(b) Fi bagi peperiksaan untuk perakuan kekompetenan sebagai ketua pegawai jurutera, pegawai jurutera kedua atau pegawai yang menjaga awasan kejuruteraan”—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam butiran (x), dalam ruang “Tujuan/perkhidmatan”, dengan memotong perkataan “or on unlimited voyage”;
- (b) dengan memasukkan selepas butiran (x) dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

<i>No.</i>	<i>Tujuan/perkhidmatan</i>	<i>Fi</i> (RM)	<i>Peperiksaan bertulis</i>	<i>Peperiksaan lisan</i>
------------	----------------------------	-------------------	---------------------------------	------------------------------

- (xa) Pegawai jurutera kedua di atas kapal di antara 750 dan 3,000 kW yang dalam pelayaran dagang persisiran pantai — 100”; dan
- (c) dalam butiran (xii), dalam ruang “Fi (RM), dalam ruang “Peperiksaan lisan”, dengan menggantikan perkataan “—” dengan angka “150.”